

PERSEPSI MASYARAKAT DI PAHANG TERHADAP PERANAN MAJLIS UGAMA ISLAM PAHANG DALAM MENANGANI KEMISKINAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad
Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Abstrak

Peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) dalam mentadbir dan mengendalikan urusan agihan zakat sering mendapat kritikan dan maklum balas yang negatif daripada masyarakat seolah-olah ianya tidak diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi menangani kemiskinan dalam kalangan asnaf khususnya fakir dan miskin. Pelbagai tohmahan dan kecaman telah dilemparkan terhadap pengurusan zakat oleh golongan netizen terutama melalui laman sosial. Ini memberikan gambaran yang kurang baik terhadap organisasi MAIN dan AMZ pada pandangan masyarakat dengan persepsi yang kurang tepat jika dilihat kepada kesungguhan dan usaha yang dilaksanakan oleh agensi tersebut dalam membantu golongan asnaf fakir dan miskin. Pelbagai bantuan telah disalurkan melalui pelbagai skim bantuan agar kehidupan golongan asnaf terbelah dan mendapat kehidupan yang lebih baik serta mampu berdikari untuk keluar daripada kelompok kemiskinan. Oleh itu, kajian secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik ini akan memberikan penekanan terhadap persepsi masyarakat di negeri Pahang berhubung dengan peranan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dalam menangani kemiskinan. Hasil kajian ini diharapkan dapat membetulkan persepsi masyarakat terhadap MAIN dan AMZ seterusnya mampu meningkatkan lagi keberkesanan agihan zakat bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin serta meningkatkan jumlah kutipan dan pembayar zakat.

Keywords: *Persepsi, MAIN, AMZ, Zakat dan Kemiskinan*

Perkembangan Artikel

Diterima: 22/9/2020
Disemak: 16/11/2020
Diterbitkan: 15/12/2020

Penulis Utama:

Abdul Rahman Talib,
Pusat Sains
Kemanusiaan,
Universiti Malaysia
Pahang, Kuantan,
Pahang, Malaysia

E-mel:

rahman@muip.gov.my

PENDAHULUAN

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) adalah merupakan agensi yang menjadi tumpuan masyarakat apabila sesuatu berita atau maklumat berkaitan kemiskinan dipapar dalam media elektronik serta media cetak dan sosial. Ini memberikan gambaran bahawa MAIN dan AMZ adalah merupakan agensi utama dalam menangani kemiskinan selaras dengan peranannya dalam mengurus dan mentadbir kutipan dan agihan zakat. Namun begitu, sejak kebelakangan ini pelbagai tohmahan dan kecaman telah dilemparkan oleh para Netizen di laman sosial melalui *facebook*, *twitter* dan sebagainya terhadap peranan MAIN dan AMZ dalam pengurusan harta zakat. Di samping itu, media cetak dan elektronik juga sering memaparkan kisah dan berita kedaifan kehidupan masyarakat Islam sama ada yang tinggal di bandar dan luar bandar seolah-olah diabaikan oleh masyarakat setempat dan pihak bertanggungjawab termasuk MAIN dan AMZ.

Pendedahan berita dan kisah kemiskinan ini walaupun ia kelihatan membela dan membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti asnaf fakir dan miskin, namun didapati maklumat yang adalah kurang tepat. Berita yang dipapar seolah-olah lebih bertujuan mendapatkan publisiti dan tarikan pembaca atau penonton sehingga mampu mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap institusi zakat.

Disebabkan oleh kekeliruan maklumat yang disampaikan oleh pihak media dan Netizen berkenaan hal ini maka kesannya telah mendorong kepada persepsi negatif masyarakat terhadap MAIN dan AMZ dengan gambaran ketidakcekapan dan kurang efisien dalam menguruskan zakat. Justeru terdapat pelbagai kesan negatif telah berlaku antaranya hilang keyakinan golongan pembayar zakat untuk membayar zakat kepada MAIN dan AMZ sehingga mengganggu dan merencatkan peranan MAIN dan AMZ dalam membela masyarakat dan syiar Islam. Menurut kajian Anuar (2008), menyatakan bahawa antara faktor penurunan kutipan zakat oleh MAIN dan AMZ adalah disebabkan masyarakat hilang kepercayaan terhadap MAIN dan AMZ sehingga mengambil tindakan membayar zakat secara terus kepada asnaf. Kajian oleh Sanep et.al (2006) menyatakan bahawa sebanyak 10.5 peratus pembayar zakat berminat membayar zakat secara terus kepada asnaf dan sebanyak 57.1 peratus pembayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat oleh institusi zakat. Selain itu, kajian Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2005), telah membuktikan bahawa persepsi tentang agihan zakat juga mempunyai kesan mempengaruhi sikap kepatuhan pembayar zakat.

Berdasarkan kajian lepas, didapati persepsi masyarakat amat memberikan kesan terhadap kutipan zakat oleh MAIN dan AMZ. Oleh itu kajian ini akan memberi fokus terhadap persepsi masyarakat mengenai bantuan zakat oleh MUIP dan penyebaran maklumat berkaitan aktiviti agihan zakat di negeri Pahang serta kesannya kepada kutipan zakat. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang ke arah mengurangkan masalah persepsi negatif masyarakat terhadap pengurusan dan agihan zakat oleh MUIP khususnya dan MAIN dan AMZ amnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah dalam bentuk kuantitatif dan pengumpulan data melalui soal selidik menggunakan skala *likert* secara dalam talian (*google form*). Borang soal selidik dalam talian ini telah diedarkan kepada 262 orang responden yang dipilih secara pensampelan rawak (*Simple Random Sampling*). Responden soal selidik ini merangkumi pelbagai lapisan kerjaya, peringkat umur, jantina dan lokaliti di negeri Pahang. Pemilihan kajian secara soal selidik adalah kerana ia merupakan kaedah yang sesuai bagi mengukur pandangan, persepsi dan sikap seseorang (Mohammad Najib, 1999). Pengkaji juga menemu bual pegawai Pusat Kutipan Zakat Pahang bagi tujuan mendapatkan maklumat kutipan dan pembayar zakat di negeri Pahang. Hasil kajian ini dipaparkan secara deskriptif dengan mendapatkan maklumat dalam bentuk carta dan peratusan berhubung persepsi masyarakat di negeri Pahang terhadap peranan MUIP dalam menangani kemiskinan asnaf fakir dan miskin.

KAJIAN LEPAS


Menurut Hassan Haji Ali (2003), masalah kemiskinan dan agihan pendapatan merupakan permasalahan yang membelenggu masyarakat sesebuah negara yang sedang membangun. Sejak kemerdekaan sehingga kini, masyarakat telah meletakkan pengurusan zakat di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi tujuan pungutan dan agihan (Abdul Rahim Zakaria, 2007). Oleh itu, sebarang isu berkaitan kemiskinan khususnya dalam kalangan umat Islam adalah berkait rapat dengan agihan zakat yang diuruskan oleh AMZ dan MAIN.

Isu berkaitan kemiskinan yang sering dipaparkan dalam media telah menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap MAIN dan AMZ sehingga menjadi sukar untuk dibendung. Ini kerana masyarakat lebih mudah mempercayai maklumat negatif melalui *viral* negatif di media sosial tentang pengurusan zakat tanpa menyelidik kesahihan dan ketepatan bahan maklumat tersebut (Abdul Hayy Haziq & Hairunnizam, 2017). Sikap mudah menerima dan cepat mempercayai *viral* negatif ini telah menyebabkan MAIN dan AMZ sering mendapat kecaman dan kritikan masyarakat tanpa soal selidik. Kritikan ini bukan sahaja melibatkan institusi zakat yang ditadbir oleh MAIN malah ia juga melibatkan institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang turut dipandang negatif oleh masyarakat sebagai kurang memuaskan daripada segi pengurusannya (Sanep, et.al, 2006).

Menurut satu kajian antara faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan dan kepercayaan masyarakat terhadap MAIN dan AMZ terbahagi kepada enam aspek utama iaitu faktor pengurusan kutipan dan agihan zakat, manusia, bukan manusia, imej dan misi korporat serta faktor luaran seperti penyediaan kualiti perkhidmatan (Iman, et.al, 2011; Hairulnizam Wahid, 2014). Manakala kajian yang lain mendapati faktor yang mempengaruhi tahap keyakinan masyarakat terutama pembayar zakat terhadap MAIN dan AMZ adalah faktor ketelusan dalam memaparkan maklumat kutipan dan agihan zakat kepada masyarakat (Sapingia et.al, 2016; Norfaiezah et.al, 2017).

HASIL KAJIAN


Kajian soal selidik terhadap 262 orang responden ini merangkumi maklumat latar belakang seperti jantina, pekerjaan, prestasi agihan dan informasi atau maklumat agihan zakat bagi tujuan mendapatkan persepsi masyarakat terhadap peranan MUIP dalam menangani kemiskinan golongan asnaf. Rajah 1, ialah pecahan soal selidik berdasarkan kepada gender atau jantina iaitu seramai 125 orang wanita (47.7%) dan 137 orang lelaki (52.3%).



Rajah 1: Pecahan Jantina Responden


Manakala Jadual 1, ialah pecahan jenis pekerjaan responden yang dijadikan sampel kajian iaitu kakitangan kerajaan, swasta, bekerja sendiri dan tidak bekerja. Kakitangan kerajaan ialah responden yang paling dalam soal selidik ini iaitu 99 orang daripada 262 orang atau 37.7%.

Jadual 1: Pekerjaan Responden



Jadual 2 merupakan petunjuk persepsi responden terhadap prestasi program bantuan zakat yang dilaksanakan oleh MUIP bagi menangani kemiskinan di negeri Pahang. Hasil soal selidik didapati responden yang memberikan pandangan pada skala baik dan amat baik adalah seramai 152 orang (58.1%) manakala pada skala memuaskan seramai 65 orang (24.8%) dan pada skala kurang memuaskan dan amat kurang memuaskan seramai 45 orang (17.1%).


Jadual 2: Persepsi Masyarakat Terhadap Agihan Bantuan Zakat Bagi Menangani Kemiskinan



Jadual 3, ialah dapatan pandangan responden terhadap informasi mengenai bantuan zakat yang dilaksanakan oleh MUIP yang disebarkan kepada masyarakat. Skala menunjukkan responden


yang memberikan pandangan pada tahap baik dan amat baik adalah seramai 119 orang (45.4%) dan seramai 61 orang (23.3%) yang memberikan pandangan pada skala tidak memuaskan dan amat tidak memuaskan manakala seramai 82 orang (31.3%) pada skala memuaskan.

Jadual 3 : Sebaran Informasi Bantuan Zakat



Jadual 4 pula merupakan prestasi kutipan zakat harta selama 5 tahun oleh Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang. Prestasi kutipan menunjukkan kadar peningkatan kutipan adalah sekitar 4 sehingga 10 juta setahun.


Jadual 4 : Maklumat Kutipan Zakat Harta 2014 -2018



(sumber: PKZ Pahang)

Jadual 5, ialah paparan jumlah pembayar zakat harta dari tahun 2015 sehingga 2018 manakala sasaran yang ditetapkan oleh PKZ bagi tahun 2019 ialah seramai 98,500 orang pembayar.

Jadual 5 : Jumlah Pembayar Zakat 2015-2018



(sumber: PKZ Pahang)

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada Jadual 2 dapatan kajian menunjukkan trend persepsi masyarakat yang tidak berpuas hati terhadap pengurusan agihan zakat oleh MUIP masih wujud dengan kadar peratusan sebanyak 17.1%. Begitu juga persepsi pada skala memuaskan menunjukkan pada peratusan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 24.8%. Berdasarkan kepada dapatan kajian tersebut maka pengkaji mendapati masyarakat masih menilai dan memberikan persepsi negatif terhadap pengurusan zakat oleh MUIP dalam menangani kemiskinan. Persepsi yang negatif ini terbentuk disebabkan oleh idea atau perkara tersebut tidak menarik minat, cita rasa, motivasi dan pengalamannya (Ahmad Redzuwan & Badlihisam, 2003). Menurut Richard (2016), persepsi terbentuk daripada maklumat yang diterima sebagai inferens (membuat perbandingan fakta).

Pembentukan persepsi selain bersumberkan daripada maklumat, pengalaman dan pengetahuan serta informasi melalui media cetak dan media sosial, masyarakat juga akan membentuk pandangan dan persepsi melalui maklumat daripada informasi bantuan zakat yang disebarkan oleh MUIP kepada masyarakat melalui ceramah, khutbah, majalah, pamflet, laman web dan media elektronik. Dapatan kajian mendapati masyarakat masih tidak berpuas hati dengan informasi zakat yang disebarkan oleh MUIP.

Manakala Jadual 4 menunjukkan tahap kepuasan terhadap sebaran informasi berhubung bantuan zakat yang dilaksanakan oleh MUIP masih di tahap yang belum cemerlang di mana skala tidak memuaskan dan amat tidak memuaskan menunjukkan sebanyak 23.3% manakala skala baik dan amat baik adalah sebanyak 45.4%. Masyarakat yang memberikan persepsi pada skala sederhana atau memuaskan juga masih berada pada peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 31.3%. Oleh itu, MUIP perlu mengambil langkah proaktif meningkatkan usaha menyebarkan informasi bantuan zakat kepada masyarakat agar maklumat berhubung bantuan dan komitmen dalam membantu asnaf fakir dan miskin dapat diketahui oleh segenap lapisan masyarakat.

Kajian ini juga mendapatkan pandangan dan cadangan responden melalui soal selidik bagi tujuan meningkatkan lagi keberkesanan agihan zakat untuk menangani kemiskinan golongan asnaf fakir dan miskin. Antara cadangan yang dikemukakan ialah mewujudkan sistem maklumat fakir dan miskin, permohonan secara *online*, memperbanyakkan program jejak asnaf, meningkatkan program agihan, memastikan agihan hanya kepada golongan yang

benar-benar layak, diagihkan secara profesional, mengadakan program latihan dan kursus kemahiran asnaf, memperkasakan peranan masjid dan menjalinkan kerjasama dengan NGO dalam membantu memberikan maklumat dan bantuan zakat, menyebarkan luaskan informasi zakat kepada masyarakat dan mempermudah urusan permohonan bantuan. Pandangan-pandangan yang dikemukakan ini menunjukkan masyarakat amat prihatin dan mengambil berat berhubung masalah kemiskinan yang dihadapi oleh golongan asnaf fakir dan miskin malah turut ingin membantu mengatasi masalah kemiskinan tersebut.

Berdasarkan kepada Jadual 4 dan 5, trend kutipan zakat masih menunjukkan peningkatan dalam tempoh 5 tahun walaupun ia tidaklah sebanyak hasil kutipan dan seramai pembayar zakat dari MAIN dan AMZ yang lain. Namun, ia masih jauh daripada sasaran kutipan dan pembayar zakat oleh Pusat Kutipan Zakat iaitu sebanyak RM 350,000,00.00 dan seramai 300,000 orang pembayar produktif setahun. Kegagalan pembayar zakat produktif menunaikan zakat kepada PKZ mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti keingkaran menunaikan kewajipan berzakat, pendapatan yang tidak mencukupi, kecenderungan membayar secara langsung kepada asnaf serta membayar zakat di MAIN dan AMZ di luar Pahang. Oleh itu, sekiranya persepsi negatif terhadap MUIP dapat diatasi, kemungkinan peningkatan kutipan zakat akan berlaku seperti sasaran yang ditetapkan oleh pihak PKZ.

KESIMPULAN

Kekeliruan dan tanggapan negatif masyarakat terhadap institusi zakat banyak dipengaruhi oleh kekurangan maklumat yang tepat berhubung agihan zakat. Walaupun hakikatnya menurut kajian Patmawati Ibrahim (2010), agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan serta mengecilkan purata jurang kemiskinan dan memperbaiki nisbah jurang pendapatan. Oleh itu, bagi menangani persepsi negatif masyarakat terhadap institusi zakat maka pengurusan zakat di negeri-negeri perlu lebih proaktif dalam usaha membantu golongan asnaf serta meningkatkan sebaran maklumat berkaitan dengan program agihan dan bantuan-bantuan yang disediakan kepada golongan asnaf melalui media elektronik serta media cetak dan sosial. Di samping itu, pihak media juga hendaklah mengamalkan etika Islam dalam menyampaikan maklumat dan bukan semata-mata ingin mencari publisiti sehingga memaparkan berita tidak benar kepada masyarakat. Manakala pihak masyarakat pula perlulah mengambil sikap berhati-hati dalam menerima berita selidik sebelum menyebarkannya.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Zakaria (2007). *Perkembangan Dan Sistem Pentadbiran Zakat Kontemporari*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, 22-24 Mei 2007
- Abdul Hayy Haziq Mohamad & Hairunnizam Wahid (2017), *Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Agihan Zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Peranan Medium Promosi: Kajian di Bintulu, Sarawak*. Prosiding PERKEM 2017.
- Ahmad Redzuwan & Badlihisam (2003). *Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dan Taman West Country*. Jurnal Islamiyyat. 24 (2003): 103-121.
- Anuar Muhammad (2008). *Perception Of Academicians Toward Zakat Administration Particularly Zakat Distribution: The Case Of Selangor And Kelantan*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2005). *Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal*. Jurnal Ekonomi Malaysia 39 (2005) 53-69
- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2014). *Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor*. Jurnal Ekonomi Malaysia 48(2) 2014 41-50.
- Hasan Haji Ali. (2003). *Pertumbuhan, Agihan Pendapatan Dan Kemiskinan*, dalam Rahmah Ismail (penyunting), *Ekonomi pembangunan, Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iman, Salleh dan Sanep Ahmad (2011). *Indeks Keyakinan Terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS): Kajian Kes Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Prosiding PERKEM 2011.
- Kotler, Philip (1997). *Manajemen Pemasaran: Analisis, Perencanaan, Implementasi, dan Kontrol*. Jakarta: PT. Prenhallindo.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norfaiezah Sawandi, Norazita Marina Abdul Aziz & Ram al Jafri Saad (2017). *Zakat Accountability Practices: Case Study Of Zakat Institution*. International Journal Economic Research . 14(16): 223-232.
- Patmawati Ibrahim (2010). *Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan di Negeri Sembilan*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V 2010 (PERKEM V), 15-17 Oktober 2010 di Avillion Admiral Cove, Port Dickson Negeri Sembilan.
- Richard Dawkins (2016). *The Selfish Gene*, Oxford University Press.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005). *Persepsi Agihan Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal*, Jurnal Ekonomi Malaysia, 39, 53-69.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006). *Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia*. International Journal of Management Studies 13 (2), 175-196.
- Sapingia, Raedah, Sherliza, Puat Nelson and Siti Normala Sheikh Obida (2016). *Current Disclosure Practice By Zakat Institution In Malasia: An Exploratory Study*. Qualitatif Research Conference. 24-26 May 2016, Penang, Malaysia.
- Zulkiple Abd Ghani & Mahasin Saja (2011), *Ulama dan Kewartawanan: Kajian Terhad Tok Kenali*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.